



## **KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA**



Pelan Induk Landskap (PIL) adalah merupakan pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif bagi pembangunan landskap di sesebuah kawasan. Ia disediakan bagi memastikan aspek landskap dibangunkan dan dipelihara selaras dengan matlamat pembangunan negara. Selain itu, pelan induk landskap juga mampu menyokong pembangunan sektor pelancongan dan alam sekitar sesebuah kawasan. Ia menggariskan cadangan projek bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Adalah diharapkan penyediaan pelan induk landskap ini dapat dijadikan garis panduan penting bukan sahaja kepada Majlis Daerah Pontian, malahan juga kepada agensi pelaksana lain seperti perunding landskap, pemaju-pemaju, NGO, orang-orang perseorangan dan seluruh penduduk Daerah Pontian ke arah menjadikan '**PONTIAN DAERAH EKO-PELANCONGAN**'.

Pelaksanaan dasar dan cadangan program diutarakan dalam Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pontian secara tidak langsung akan mempertingkatkan kualiti alam sekitar disamping menjana peluang pekerjaan dari segi pembangunan dan penyelenggaraan landskap. Pelaksanaan landskap sudah pasti akan dapat dinikmati oleh keseluruhan penduduk Daerah Pontian.

Akhir kata, saya berharap agar semua pihak menggunakan dokumen ini sebagai panduan pembangunan landskap ke arah menjadikan Majlis Daerah Pontian sebagai sebuah bandar selamat, indah dan selesa. Kerjasama daripada semua pihak juga adalah penting untuk membangunkan Daerah Pontian tanpa menimbulkan kesan negatif kepada alam persekitarannya. Kepada semua pihak yang menjayakan kajian ini, saya mengucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**DATO' HAJI ISMAIL BIN NGAH  
KMN, PMT**